

# REBANA MANGKUK DI KAMPUNG FELDA KEMAHANG 3 TANAH MERAH KELANTAN: SATU KAJIAN ORGANOLOGI

MUHAMMAD NUR ASYRAAF BIN NOORAZIDIN

RAJA ISKANDAR BIN RAJA HALID

*muhammadnurasyaaf2@gmail.com & rajaiskandar@umk.edu.my*

## Abstrak

Rebana mangkuk adalah salah satu seni persembahan yang unik yang terdapat di negeri Kelantan. Ia mula dipersembahkan semenjak beberapa dekad yang lalu di Felda Kemahang 3 Tanah Merah, Kelantan. Walaupun baharu jika hendak dibandingkan dengan persembahan lain seperti makyong dan wayang kulit, rebana mangkuk telah menjadi satu persembahan penting dan simbol identiti masyarakat kampung ini. Keunikan kesenian ini bukan sahaja dari aspek persembahan tetapi juga pembuatan alat muzik, iaitu rebana mangkuk itu sendiri. Berdasarkan temubual dan pemerhatian, artikel ini adalah satu kajian organologi tentang proses pembuatan rebana mangkuk yang hanya terdapat di Tanah Merah, Kelantan. Hasil kajian mendapati bahawa pembuatan rebana mangkuk, sebagai alat paluan satu muka, di bawah kategori membranofon, adalah satu proses adaptasi persekitaran yang menggunakan daya kreativiti yang tinggi. Artikel ini adalah satu dokumentasi penting di dalam pemeliharaan seni persembahan rebana mangkuk untuk generasi akan datang.

**Kata kunci:** Rebana Mangkuk, Organologi, Membranofon, Kelantan

*Dihantar : 19 Jan 2022*

*Disemak : 5 Feb 2023*

*Diterbit : 31 Mac 2023*

---

\* Pelajar Pascasiswazah di Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

\*\* Prof Madya di Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.



# REBANA MANGKUK IN FELDA KEMAHANG 3 TANAH MERAH, KELANTAN: AN ORGANOLOGICAL STUDY

MUHAMMAD NUR ASYRAAF BIN NOORAZIDIN

RAJA ISKANDAR BIN RAJA HALID

*muhammadnurasyraaf2@gmail.com & rajaiskandar@umk.edu.my*

## **Abstract**

*Rebana Mangkuk is a unique performing art found in Kelantan. It has been performed for the past several decades at Felda Kemahang 3 Tanah Merah, Kelantan. Although relatively new as compared to other performances such as makyong and wayang kulit, rebana mangkuk has become an important art form and a symbol of identity for this village. The uniqueness of this art is not only from the aspect of performance but also in the making of its instrument, namely the rebana mangkuk itself. Based on interviews and observations, this article is an organological study on the process of making rebana mangkuk that can only be found in Tanah Merah, Kelantan. The results of the study found that making a rebana mangkuk, as a single-faced percussion instrument, under the category of membranophone, is a process of environmental adaptation that uses a high level of creativity. This article is an important documentation in preserving the art of rebana mangkuk performance for future generations.*

**Keywords:** *Rebana Mangkuk, Organology, Membranophone, Kelantan*

Sent: 19 Jan 2022

Revised: 5 Feb 2023

Published: 31 March 2023

---

\* Postgraduate Student at the Department of Heritage Studies, Faculty of Creative Technology and Heritage, University Malaysia Kelantan

\*\* Assoc Prof at the Department of Heritage Studies, Faculty of Creative Technology and Heritage, University Malaysia Kelantan



## 1.0 Pendahuluan

Kelantan merupakan sebuah negeri yang kaya dengan seni persembahan warisan Melayu tradisional yang lama usianya. Mak yong, wayang kulit dan main teri telah dipersembahkan di negeri ini sejak ratusan tahun lamanya (Zaharul 2014). Kesenian ini telah membina identiti seni budaya Kelantan dan masih dikembangkan sehingga sekarang. Perkara ini dapat dilihat melalui keaktifan beberapa buah daerah yang masih giat menjalankan aktiviti kesenian seperti daerah Kuala Krai yang masih bergiat aktif dalam persembahan wayang kulit, mak yong yang sering kali dianjurkan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, negeri Kelantan.

Oleh itu, rebana mangkuk masih aktif dimainkan di Felda Kemahang 3, Tanah Merah, Kelantan. Menurut sejarah yang diberitahu oleh Encik Hasbullah Bin Aling (pewaris tunggal Rebana Mangkuk) Rebana Mangkuk ini berasal dari Kampung Lawang, Tanah Merah yang diasaskan oleh bapa saudara beliau Encik Yusof Abdullah. Beliau merupakan pengasas yang merekabentuk dan membuat rebana mangkuk. Permainan rebana mangkuk tersebar di Felda Kemahang 3, Tanah Merah setelah keluarga Encik Yusof Abdullah mewarisi permainan tersebut daripada ahli keluarga terdekat yang menetap di Felda Kemahang 3 Tanah Merah, Kelantan. Menurut Encik Hasbullah Bin Aling (pewaris tunggal Rebana Mangkuk), salah seorang yang bertuah kerana berkesempatan mengenali dan mempelajari cara bermain rebana mangkuk ini bersama Encik Yusof Abdullah. Setelah berpindah dan menetap di Felda Kemahang 3, beliau membawa dan mengembangkan permainan rebana mangkuk kepada penduduk sehingga kini.

## 2.0 Latar Belakang Kajian

Kehidupan manusia yang dinamis telah menimbulkan pelbagai cara untuk mencapai ataupun memperjelaskan tujuan berinteraksi. Salah satu cara yang sering digunakan adalah melalui permainan muzik tradisional. Cara masyarakat menggunakan muzik sebagai satu cara untuk berinteraksi adalah melalui ritual adat, hiburan dan keagamaan (Woods dan Gordon, 1986). Muzik bukan sekadar hiburan semata-mata malah digunakan sebagai cara untuk berinteraksi antara satu sama lain dalam kalangan masyarakat, ini tidak terkecuali masyarakat Felda Kemahang 3, Tanah Merah yang mempunyai keunikan muzik tradisional yang tersendiri iaitu Rebana Mangkuk. Kelantan merupakan sebuah negeri yang penuh dengan seni budaya seperti makyong, wayang kulit, dikir barat, dan banyak lagi, maka tidak hairanlah negeri Kelantan digelar sebagai negeri gedung budaya. Selain dari masyarakat Kelantan sendiri, kebudayaan dan kesenian turut diguna pakai dan diterima oleh khalayak umum sebagai khazanah kebudayaan negara. Kota budaya ini tidak putus-putus menerima pelancong dan pengkaji budaya tidak kira dalam mahupun luar negara untuk melihat sendiri keunikan kesenian dan kebudayaan yang ada di negeri Kelantan. Namun, tidak ramai dalam kalangan masyarakat di negeri Kelantan sendiri tidak menyedari terdapatnya satu alat muzik tradisional yang sangat unik dari segi reka bentuk dan cara pembuatan iaitu Rebana Mangkuk. Alat muzik ini merupakan alat muzik pergendangan yang mempunyai satu muka dan dimainkan secara paluan.

Seni persembahan perkusi ini dikenali sebagai rebana mangkuk dan unik kepada masyarakat di Tanah Merah. Ia dipersembahkan di dalam majlis-majlis perkahwinan serta keramaian dan telah menjadi identiti serta kebanggaan penduduk setempat. Oleh hal yang demikian, di kawasan Tanah Merah terdapat satu kampung yang mana aktif dalam kebudayaan muzik rebana mangkuk iaitu Felda Kemahang 3. Nama Felda Kemahang 3 dipercayai diambil dari nama sejenis pohon keladi yang dipanggil keladi kemahang yang tumbuh sekitar kawasan ini ketika permulaan pembukaan tanah rancangan pada era 70-an. Penduduk di Felda Kemahang 3 masih bergiat aktif di dalam kesenian seperti dikir barat, rebana ubi, kertuk, rebana mangkuk dan sebagainya.



### 3.0 Permasalahan Kajian

Hasil daripada pemerhatian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa tidak begitu banyak pendokumentasian yang dilakukan berkaitan kesenian tradisional muzik rebana mangkuk yang merupakan sebuah seni persembahan tidak ketara di mana membawa konsep persembahan secara berkumpulan (kartomi dan Margaret,1990). Walaupun sudah lama bertapak di negeri Kelantan, rebana mangkuk yang melambangkan identiti yang penting bagi masyarakat, namun masih tidak diketahui oleh orang ramai terutamanya masyarakat di negeri Kelantan sendiri. Sebelum memulakan kajian, terdapat beberapa soalan yang diajukan oleh pengkaji kepada salah seorang pegawai kebudayaan yang berkhidmat di Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, negeri Kelantan iaitu Encik Long Ahmad Suhairi. Menurut beliau semasa Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, negeri Kelantan membuat satu karnival di pantai Genting, Tumpat, Kelantan pewaris Rebana Mangkuk datang berjumpa beliau untuk menunjukkan mengenai alat muzik tradisional yang telah lama bertapak di Felda Kemahang 3 iaitu Rebana Mangkuk. Namun tidak ramai yang mengetahui akan kewujudan alat muzik tradisional ini. Oleh itu, tiada sebarang pendokumentasian yang dilakukan oleh pihak lain terhadap alat muzik tersebut.

Oleh itu, di Perpustakaan Dewan Bahasa Wilayah Timur (DPB) dan Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan juga tidak begitu banyak memaparkan berkaitan buku muzik rebana mangkuk yang menjadi kesenian masyarakat Felda Kemahang 3 khususnya. Namun begitu, seharusnya pendokumentasian melalui penulisan berdasarkan hasil kajian perlu dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang sahih supaya generasi akan datang dapat mengetahui segala aspek berkaitan muzik rebana mangkuk.

Seterusnya, jika melihat dari segi kajian atau penulisan yang telah dilakukan oleh beberapa penulis berkaitan muzik rebana mangkuk, kebanyakannya lebih kepada bentuk kajian mengenai aspek sejarah, alat muzik dan sebagainya. Namun begitu, ruang kajian dari segi proses pembuatan rebana mangkuk dalam konteks sosial masyarakat Felda Kemahang 3 Tanah Merah belum lagi dikaji. Oleh itu, penulisan ataupun kajian dari segi proses pembuatan rebana mangkuk di dalam konteks sosial khususnya masyarakat di Felda Kemahang 3 perlu dilakukan untuk tatapan individu, masyarakat, institusi dan juga generasi akan datang. Oleh itu, menurut pemerhatian yang dilakukan, terdapat beberapa jenis persembahan tradisional Kelantan antaranya mak yong, dikir barat, wayang kulit, menora dan lain-lain. Selain daripada muzik, makanan, bahasa pertuturan juga dapat melambangkan identiti masyarakat tersebut (Marohaini Yusof ,2001).

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, Negeri Kelantan yang terkenal dengan industri arkeo-pelancongan dan pelancongan warisan semula jadi, maka lazimlah Negeri Kelantan dikenali sebagai sebuah Negeri Gedung Budaya. Sekiranya diteliti dua industri pelancongan ini hanya berfokus kepada warisan ketara sahaja. Namun begitu, warisan tidak ketara terutamanya bidang seni persembahan Rebana Mangkuk yang dilihat masih belum menonjol hal ini berlaku berkemungkinan disebabkan oleh tahap literasi masyarakat yang masih kurang tentang kewujudan seni persembahan Rebana Mangkuk. Oleh itu produk warisan tidak ketara seperti seni persembahan Rebana Mangkuk perlulah diperkenalkan kepada masyarakat tempatan dan juga pelancong asing dari dalam mahupun luar negara. Malah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat memperkenalkan lebih banyak keunikan warisan budaya yang ada di Malaysia khususnya Negeri Kelantan.



## 4.0 Kaedah Kajian

Kaedah kajian ialah kajian yang merupakan suatu proses sistematik kajian, kepentingan umumnya yang mana menyumbang kepada himpunan ilmu yang membentuk serta membawa kearah bidang akademik atau praktis (Brew, 2001). Seterusnya, kaedah kajian ialah soal bagaimana tiap-tiap suatu objektif atau penyelidikan itu hendak dicapai. Metodologi kajian merupakan pengumpulan maklumat serta data terbaharu yang berkaitan tinjauan yang dilakukan. Kaedah kajian ini biasanya mengambil kira aspek pemilihan kaedah kajian, teori pembelajaran bahasa, prosedur pengumpulan data data prosedur analisis data. Oleh itu, pengkaji telah memilih beberapa kaedah bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam melaksanakan penyelidikan berkaitan dengan kajian terhadap fungsi dan kegunaan rebana mangkuk di Kampung Felda Kemahang 3, Tanah Merah, Kelantan. Kaedah-kaedah yang digunakan ialah kaedah temubual, kaedah soal selidik, kajian perpustakaan, jurnal, kajian tesis, buku, dan kaedah internet. Pengkaji akan menghuraikan kaedah kajian yang dilakukan di mana ia melibatkan data yang dipilih, proses untuk mendapatkan data yang dilakukan sepanjang penghasilan kajian ini.

### 4.1 Kaedah Kualitatif

kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengumpul data yang berkait rapat dengan objektif penyelidikan pendekatan kualitatif menggunakan sebarang data yang melibatkan ujian penyatuan kata, ayat, tutur kata, pendapat, pengalaman, kelakuan orang sumber, dan sebagainya sebagai sumber penyelidikan (Kothari, C. 2004). Penyelidikan berbentuk kualitatif cenderung bergantung kepada kepentingan subjektif dan pengalaman manusia. Refleksi ini adalah sebahagian daripada fenomenologi. Bidang fenomenologi pula menekankan pemahaman peribadi individu melalui pengalaman secara langsung Azizi et al (2007). Kaedah penyelidikan yang menggunakan pendekatan kualitatif memerlukan aktiviti turum padang ke kawasan kajian bagi mendapatkan data primer daripada orang sumber di lokasi penyelidikan. Oleh itu, pendekatan temubual dan pemerhatian dilakukan kepada orang sumber yang mahir dalam penghasilan rebana dan masyarakat setempat. Kaedah kualitatif juga ialah satu kajian yang menekan kepada penghasilan makna untuk memahami fenomena sosial dengan mengambil kira perkara-perkara yang tidak disentuh oleh kajian kuantitatif, seperti pandangan dan keanehan seseorang, akibat yang dirancang dan yang tidak dirancang. Dari segi pengumpulan data dan penjanaan teori, kajian kualitatif banyak menggunakan kaedah interaksi bersemuka dengan subjek kajian dan pendekatan induktif untuk menjana teori. Selain itu, reka bentuk kajian ditentukan pada peringkat awal kajian dijalankan yang menggantikan kajian rintis dalam kajian kuantitatif.

### 4.2 Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data merupakan bahagian penting dalam proses penyelidikan. Hal ini kerana tahap-tahap ini telah dijalankan selepas cadangan penyelidikan telah diluluskan dan sebelum analisis data dijalankan. Selain itu, pengumpulan data adalah peringkat proses penyelidikan di mana para penyelidik menggunakan kaedah dan teknik saintifik untuk mengumpul data sistematik untuk tujuan analisis. Ia melibatkan dua sumber data utama iaitu sumber data primer dan sumber data sekunder yang akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Segala data yang berkaitan kemudiannya akan dianalisis dan disuarakan secara sempurna dalam penulisan di bawah bahagian kualitatif.

Menurut Sabitha Marican (2005), data ialah proses pengiraan ke atas ciri-ciri, kejadian, fakta, atau ukuran ke atas sesuatu peristiwa yang boleh dikira. Satu set data (data yang telah dikumpulkan) boleh merangkumi ribuan pemerhatian (Burning & Kintz, 1987). Secara umumnya, data boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu data primer (*raw data*) dan data sekunder (*secondary data*).



### 4.3 Data Primer

Menurut Rohana Yusof (2004), Penyelidikan Sains Sosial menyatakan data primer adalah data yang berasal dari sumber asli atau pertama. Ianya data asal yang dikumpul secara khususnya untuk menjawab persoalan kajian (Sabitha Marican, 2005). Data primer juga adalah data yang dikumpulkan sendiri oleh penyelidik untuk menguji hipotesis dalam kajiannya dan juga tidak tersedia dalam bentuk fail. Selain itu, sumber-sumber maklumat selalunya dikumpul melalui eksperimen atau kajian lapangan. Sebagai contoh, soal selidik, pemerhatian, dan temu bual. Ianya juga boleh dikumpulkan dari individu, kumpulan fokus, ataupun panel pakar.

#### a) Kajian Lapangan

Kajian lapangan yang dilakukan oleh pengkaji adalah mengandungi dua kaedah iaitu kaedah temubual dan kaedah pemerhatian. Kaedah ini dibantu oleh rakaman pita rakaman video serta nota ringkas yang diambil semasa temubual yang dijalankan bersama-sama informan bagi mendapatkan maklumat yang diinginkan. Kajian lapangan yang akan dijalankan di Kampung Kemahang 3, Tanah Merah, Kelantan untuk mendapatkan segala maklumat berkaitan dengan kajian yang hendak dijalankan iaitu mengenai alat muzik Rebana Mangkuk.

#### b) Kaedah Pemerhatian

Menurut Rusinah Binti Joned (2010), penggunaan kaedah pemerhatian akan dapat membuat pengkaji mengamati subjek kajian. Penggunaan cara ini adalah amat sesuai dalam kajian yang berkaitan dengan kegunaan dan fungsi. Hal ini kerana pengkaji akan memerhati, mendengar dan ada sesetengah pengkaji sanggup tinggal di lokasi kajian tersebut. Oleh itu, melalui kajian ini, pengkaji akan menjalankan pemerhatian dengan melihat sendiri dan bermain sendiri alat muzik tradisional rebana mangkuk. Setiap pemerhatian akan dibuat berdasarkan kepada objektif yang akan dikaji. Pemerhatian juga akan memberikan makna yang berlainan daripada pandangan sebenar informan. Oleh itu, setiap pemerhatian yang dilaksanakan hanya boleh dijadikan sebagai bukti tambahan sahaja

#### c) Kaedah Temubual

Dalam sesebuah kajian yang menggunakan kualitatif, cara yang lazim digunakan untuk mengutip data deskriptif adalah melalui temubual (Merriam, 1998). Oleh itu, pengkaji memilih kaedah ini bagi memperolehi maklumat yang diperlukan dengan lebih tepat dan jitu. Selain itu, ia adalah langkah bagi pengkaji untuk berinteraksi secara langsung bersama responden. Responden yang dipilih ialah Encik Hasbullah Bin Aling iaitu pewaris rebana mangkuk di Kampung Kemahang 3, Tanah Merah dan beberapa ahli jawatan kuasa yang lain. Selain itu, bagi memperolehi informasi yang lebih tepat mengenai rebana mangkuk, pengkaji telah memilih Encik Nazali Bin Wahab, Pegawai Kebudayaan Dan Penyelidikan di Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Negeri Kelantan.

Pelaksanaan proses temubual amat penting, hala ini kerana kebanyakan informan adalah berumur 40-65 tahun. Oleh itu, amalan senyum dan bersopan amat dititikberatkan bagi melambangkan tanda hormat pengkaji kepada informan. Hal ini bagi memastikan pengkaji mempunyai hubungan yang baik dan memperolehi kepercayaan informan untuk memberi maklumat. Melalui temubual yang dibuat, data yang diperolehi daripada pemerhatian dapat diperkukuhkan dan diperlengkapkan agar pengkaji dapat rajahan yang lebih jelas dan mendalam tentang kajian yang dijalankan.



#### d) Rakaman

Kaedah kualitatif, penggunaan perakam video dan perakam suara mempunyai banyak kelebihan Pease and Barbara (2004) menyatakan bahawa

*videotape show context people in verbal interaction and such nonverbal elements as the sounds of voices, gesture, facial expression light, colour, activity and relative bustle or quiet. in addition, videotape allow for analysis through repeated studying as well as checking against log noted and transcripts about the same events” (ms. 56)*

Rakaman video bertindak sebagai satu set mata yang kedua untuk membolehkan pengkaji merekod segala kegiatan yang dilihat atau didengar. Selain itu, rakaman video membolehkan pengkaji membuat imbasan Kembali dan juga bertindak sebagai cara untuk mengingati dan mengkaji perincian butiran yang mungkin tertinggal semasa pemerhatian dilaksanakan oleh pengkaji.

#### 4.4 Data Skunder

Data sekunder adalah data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain (Sabitha Marican, 2005). Data sekunder ini pada awalnya (masa lalu) dikumpul untuk tujuan lain, tetapi sesuai digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang dijalankan oleh pengkaji masa kini. Selain itu, maklumat atau bahan terbitan yang dikumpul oleh individu atau penyelidik lain, bukannya penyelidik yang sedang melakukan kajian itu kini. Data sekunder ialah dokumen awam, arkib, dan lain-lain. Selain itu, sumber data sekunder adalah seperti jurnal, buku, internet, tesis, surat khabar online, dan lain-lain

##### a) Rujukan Perpustakaan

Rujukan perpustakaan adalah asas bagi permulaan kajian. Kaedah ini dijalankan oleh pengkaji sebelum memulakan kajian di luar, iaitu di Kampung Kemahang 3 Tanah Merah. Pengkaji akan mencari tahu dan menganalisis di perpustakaan terlebih dahulu. Perpustakaan yang dipilih adalah Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, dan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan. Pengkaji telah menggunakan buku dan artikel dengan sebaik mungkin antara buku dan artikel yang menjadi rujukan ialah *The Music Of Malaysia* (Patricia Matusky Dan Tan Sooi Beng), *Muzik Tradisional Melayu* (Mohamed Ghouse Nasuruddin), *Kompang* (Erwan Sulaiman), *Alat Muzik Tradisional Masyarakat Melayu Di Malaysia* (Nik Mustapha), *Oud Warisan Timur Tengah* (Raja Zulkarnain), dan *Uses And Function* (Alan P Meriam). Melalui buku ini, sedikit sebanyak telah memberi rajahan awal kepada pengkaji dalam kajian yang dijalankan

##### b) Internet

Sepanjang menjalankan kajian, pengkaji turut menggunakan kaedah pencarian maklumat melalui internet. Hal ini demikian kerana pencarian buku kini lebih luas sekiranya menggunakan sumber internet. Pengkaji melayari beberapa laman web yang boleh digunakan antaranya google scholar. Selain itu UMK juga turut menyediakan carian jurnal secara atas talian iaitu MyAthens. Melalui kaedah ini, ia telah membantu pengkaji mendapat jurnal, artikel dan beberapa kajian lepas yang berkaitan dan juga buku yang tiada dalam perpustakaan.



## 5.0 Organologi

Organologi adalah satu kajian saintifik tentang alat-alat muzik serta klasifikasinya. Organologi adalah berasal dari Bahasa Yunani iaitu "orgon" yang membawa maksud instrumen manakala "logo" pula membawa maksud kajian (DeVale & Sue Carole, 1990). Pada dasarnya, apa sahaja yang menghasilkan bunyi, dan dalam beberapa cara dikawal oleh pemuzik, boleh dipanggil alat muzik. Walau bagaimanapun, istilah ini secara amnya dikhususkan untuk instrumen yang ditujukan khusus untuk muzik, manakala bidang sains yang mengkaji alat muzik dipanggil organologi. Antara ahli organologi terpenting abad ke-20 adalah Curt Sachs dan Erich von Hornbostel yang telah mengklasifikasikan alat muzik dan diterbitkan pada tahun 1914 di dalam jurnal *Zeitschrift fur Ethnologie*. Sistem ini telah mengklasifikasikan alat muzik ke dalam lima kategori yang berbeza iaitu: idiofon, membranofon, kordofon, aerofon dan elektrofon yang dimasukkan pada tahun 1940. Oleh itu, untuk memudahkan proses pembelajaran, alat muzik ini dibahagikan kepada beberapa kumpulan alat muzik iaitu jenis alat muzik berdasarkan sumber bunyi, jenis alat muzik berdasarkan cara memainkannya, jenis alat muzik instrumen berdasarkan kekuatan menekan, jenis alat muzik -jenis alat muzik elektronik, jenis alat muzik jalur tunggal, dan jenis alat muzik berdasarkan pembesar suaranya.

Menurut Lee Elaine (2008) dalam penulisan mengenai alat muzik etnik-etnik di Malaysia, beliau telah memperincikan lagi jenis alat muzik yang dikategorikan oleh Sachs dan Hornbostel serta memberi beberapa contoh alat muzik tempatan:

1. Idiofon, ialah alat muzik yang sumber bunyinya berasal daripada bahan asasnya. Contoh seperti angklung, kulintang, tetawak dan kertuk.
2. Aerofon, ialah alat muzik yang sumber bunyinya berasal dari hembusan udara di dalam rongga. Contoh seperti seruling, serunai dan nafiri.
3. Chordofon, ialah alat muzik yang sumber bunyinya berasal daripada tali. Contoh seperti rebab, kecapi, sitar dan biola.
4. Memberanophone, ialah alat muzik yang sumber bunyinya berasal dari kulit atau selaput. Contoh seperti gendang, rebana dan kompang.
5. Elektrofon, ialah alat muzik yang sumber bunyinya dijana oleh kuasa elektrik (elektronik). Contoh seperti papan kekunci, gitar elektrik, bes elektrik dan dram elektrik.

Di dalam kajian berkaitan dengan alat muzik tradisional Malaysia, Nik Mustapha (1995), ada mengkategorikan rebana mangkuk di dalam alat-alat muzik membranofon. Beliau ada menyenaraikan alat muzik memberanofon yang mempunyai satu muka seperti kompang dan rebana, yang telah diakui telah mendahului alat muzik yang dua muka (*compound hole*) seperti mana yang terdapat dalam ensemble paluan silat, nobat, gendang keling, wayang kulit, terinai dan sebagainya. Dalam penulisan beliau, Nik Mustapha ada menceritakan mengenai struktur reka bentuk rebana mangkuk yang merupakan alat pergendangan satu muka, di mana baluhnya diperbuat daripada mangkuk yang digunakan untuk mengumpul susu getah. Menurutnya lagi, lazimnya mangkuk-mangkuk yang digunakan untuk membuat rebana mangkuk adalah diperbuat daripada tanah liat, permukaannya pula ditutup dengan beberapa lapisan getah asli sebagai bahan yang mengeluarkan bunyi, dengan menggunakan kaedah siratan rotan dan bahan pelekat. Manakala untuk berbaji pula dua keping kayu dimasukkan secara bertentangan pada bahagian bawah alat berkenaan kemudian diketatkan dengan berbaji kayu yang berfungsi sebagai alat tala. Jika dilihat daripada penulisan beliau, beliau hanya menyentuh mengenai struktur reka bentuk sahaja.





Selain itu, menurut Lee Elaine (2008,) dalam penulisan mengenai alat muzik etnik-etnik di Malaysia, seperti juga Nik Mustapha, beliau mengkategorikan rebana mangkuk dalam kategori alat muzik membranofon kerana rebana mangkuk adalah sejenis alat muzik yang mengeluarkan bunyi melalui getaran kulit yang diregangkan. Beliau juga menyatakan bahawa "*alat muzik dalam kategori ini mengeluarkan bunyi hasil daripada paluan sama ada menggunakan tangan atau pemalu tertentu seperti gendang dan tabla*" (Lee Elaine 2008, ms.26). Lee Elaine juga ada menceritakan serba sedikit mengenai reka bentuk alat muzik rebana mangkuk secara umum. Di sini pengkaji mendapati bahawa kajian yang dilakukan oleh Lee Elaine mempunyai kesinambungan yang sama dengan pengkaji alat muzik rebana mangkuk yang terdahulu.

## 6.0 Dapatan Kajian

Hasil dari pemerhatian kajian lapangan yang dilakukan Rebana Mangkuk ini dikategorikan di dalam kumpulan alat muzik satu muka iaitu memberanofon. Hal ini kerana sumber bunyi yang terhasil dari Rebana Mangkuk adalah melalui getaran dari kepingan getah sekerap yang dijadikan permukaan Rebana Mangkuk. Walaupun pengkaji tidak berpeluang melihat cara pembuatan Rebana Mangkuk disebabkan oleh faktor usia pengasasnya iaitu En Yusof, namun pengkaji dapat merakam butir-butir perbualan dengan beliau dan para penggiat yang lain mengenai proses pembuatan dan bahan yang digunakan. Asasnya bentuk Rebana Mangkuk adalah seperti mangkuk yang besar seakan-akan baluh rebana. Bentuknya terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian badan dan bahagian permukaan Rebana Mangkuk. Dari segi asasnya pula rebana mangkuk seakan-akan Rebana Ubi namun ianya mempunyai saiz yang agak kecil dan mempunyai bilangan kayu baji yang sedikit berbanding Rebana Ubi (Lihat Gambar 1). Namun Rebana Mangkuk pula hanya mempunyai dua batang kayu yang diikat di bawah Tapak Rebana Mangkuk dan dijadikan tempat untuk meregangkan getah di permukaan rebana.



Gambar 1: Rebana Ubi

Sumber: Kajian Lapangan 2020

Menurut Encik Hasbullah (Pewaris Rebana Mangkuk), uniknya Rebana Mangkuk kerana permukaannya diperbuat dari kepingan getah sekerap yang nipis dan dicantumkan sebanyak 70 hingga 80 keping, Ketebalan bagi setiap keping adalah setebal 0.2 cm. Kemudiannya, permukaan Rebana Mangkuk akan dipasangkan dengan contek yang merupakan sebuah penyelaras bunyi untuk permukaan gendang. Manakala cawan atau mangkuk tadahan susu getah yang diperbuat dari seramik akan digunakan untuk dijadikan baluh atau temalang Rebana Mangkuk yang akan dililit dengan rotan sedak

yang ditegang dari tepi permukaan ke bawah mangkuk lalu ia diketatkan dengan menggunakan kayu baji (Lihat Gambar 2). Manakala dari segi bunyi yang dihasilkan daripada paluan Rebana Mangkuk ini juga hampir sama dengan bunyi paluan kertuk dan paluan rebana dikir.



Gambar 2: komponen-komponen asas rebana mangkuk

sumber: penulis, 2021

Menurut Encik Zakaria salah seorang penggiat seni persembahan tradisional Rebana Mangkuk mengatakan bahawa bunyi Rebana Mangkuk sedikit berbeza dengan Rebana Dikir ataupun dengan Rebana – Rebana lain kerana bunyi yang dihasilkan oleh Rebana Mangkuk lebih nyaring dan tidak begitu kuat kerana saiz Rebana Mangkuk lebih kecil jika dibandingkan dengan Rebana-Rebana lain. Berdasarkan penerangan yang dibuat oleh Encik Yusof untuk membuat sesebuah Rebana Mangkuk tidak semudah yang disangka kerana kebiasaannya untuk mendapatkan cawan tadahan susu getah (Lihat Gambar 3) agak sukar kerana faktor harga dan permintaan yang amat tinggi.



Gambar 3 : Getah Sekerap Dan Cawan Tadahan


Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Menurut beliau lagi, percubaan pertama terhadap Rebana Mangkuk yang telah siap dibuat En Yusof mendapati permukaan Rebana Mangkuk mudah terkoyak ketika dipalu kerana kepingan getah terlalu nipis, oleh itu beliau cuba menggabungkan sekeping demi sekeping kepingan getah sehinggalah 70-80 keping dengan ketebalan 0.2 cm. Setelah itu beliau berjaya menemui gabungan lapisan yang sempurna dan sedap didengar semasa dipalu dan tidak mudah terkoyak. Pada peringkat seterusnya, menurut En.Yusof tidaklah sesukar sebagaimana proses penjemuran getah sekerap. Menurut beliau proses pada peringkat ini tidak mengambil masa yang lama kerana proses pemilihan rotan mengambil masa sehari sahaja untuk beliau ke hutan bagi mengambil rotan yang hendak diguna.

Menurut beliau rotan yang dipilih terdiri daripada dua saiz sahaja iaitu saiz besar dan saiz sederhana. Rotan yang bersaiz besar digunakan untuk melilit permukaan mangkuk sebagai alat untuk meregangkan getah dan berfungsi sebagai rotan sedak rebana mangkuk. Manakala bagi rotan yang bersaiz sederhana pula digunakan untuk menarik getah atau untuk melaraskan keregangan getah rebana tersebut. Rotan yang bersaiz sederhana dibelah kepada dua hingga empat bahagian supaya proses untuk mencucuk di sekeliling rotan yang besar untuk melilit getah mudah dilakukan En. Yusof berkata rotan yang diambil dari hutan biasanya akan dijemur terlebih dahulu selama dua hari bagi menjaga ketahanan rotan supaya mudah untuk dilenturkan dan tidak mudah patah. Biasanya rotan yang besar digunakan di permukaan rebana akan dilenturkan sehingga berbentuk bulat terlebih dahulu mengikut saiz mangkuk yang akan digunakan dan barulah dijemur di bawah cahaya matahari. Hal ini bersesuaian dengan sifat rotan yang mudah dilentur. . Baji pula sejenis blok kayu kecil yang direka khas untuk diletakan pada bahagian bawah rebana. Komponen ini berperanan sebagai stopper atau penyumbat yang dimasukakan diantara bahagian baluh dan perenggang. Komponen baji lazimnya dibuat menggunakan material daripada kayu keras seperti kayuangka, kayu getah, kayu cempedak, kayu halban, kayu bangkung, ciku dan mana-mana jenis kayu yang sesuai dibuat baji. (Mohd Sapri, 2020). Kayu yang digunakan perlulah dari material kayu keras bagi mengelakkan baji tersebut pecah semasa proses pemasangan atau tidak bertahan lama selepas rebana tersebut dipalu dengan kuat. Kedudukan terletak diantara komponen baluh dan dililit rotan bagi meregangkan permukaan rebana. Oleh kerana, fungsinya yang berperanan sebagai peregang kulit, maka komponen baji memainkan peranan yang penting dalam proses penalaan bunyi.

Setelah kesemua bahan yang diperlukan sudah siap, proses seterusnya ialah proses mencantumkan kesemua alatan tersebut. Menurut En.Yusof, perkara utama yang akan dilakukan ialah beliau akan mencantumkan kepingan getah skrap di atas permukaan mangkuk ataupun baluh rebana. Proses ini agak mencabar kerana beliau akan mencantumkan kepingan tersebut sekeping demi sekeping sehingga ke 75-80 keping. Setiap satu keping akan diselangi dengan tampalan getah skrap yang cair yang mana akan berfungsi seperti gam. Walaubagaimanapun untuk setiap sapuan getah cair tersebut hendaklah sama rata agar tiada lapisan yang terlalu tebal ataupun terlalu nipis, kerana sapuan getah yang cair juga memainkan peranan kepada bunyi yang akan terhasil. Setelah selesai lapisan ke 75-80 beliau sekali lagi akan menjemur kepingan getah tersebut agar tidak mudah terlerai dan boleh diregangkan (Lihat Gambar 4) .





Gambar 4: Lakaran Proses Penjemuran Getah Skrap Dan Proses Mencantum

Getah Skrap Di Atas Permukaan Baluh Rebana

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Setelah itu, getah tersebut akan dipadankan dengan ruangan muka mangkuk tadah susu getah dan diregangkan terlebih dahulu. Disebabkan getah bersifat mudah untuk diregangkan, ia tidak perlu dipaku di tepi baluh rebana seperti mana untuk membuat gendang. Seterusnya, rotan yang bersaiz 2 cm akan diletakkan di tepi mangkuk untuk dijadikan sebagai rotan sedak rebana mangkuk. Setelah itu, proses untuk melilit kepingan getah di rotan atau di rotan sedak tersebut akan dilakukan dengan meletakkan rotan yang telah dibelah. Rotan tersebut akan dicucuk di atas lapisan getah dan dililit dengan kuat di sekeliling rotan sedak rebana agar senang untuk dilaraskan.

Rotan yang dibelah untuk melilit rotan sedak rebana mestilah berukuran panjang melebihi 6 kaki kerana rotan tersebut apabila dililitkan tidak boleh disambung kerana mengikut yang diterangkan oleh responden, jika rotan tersebut disambung, ia akan mudah putus semasa proses melilit dan ia ini akan menyebabkan proses itu perlu diulangi semula dan akan menyebabkan kepingan getah menjadi rosak. Seterusnya, rotan yang dililit di rotan sedak akan sekali lagi dililit di kayu baji di bawah Rebana Mangkuk. Tujuan lilitan tersebut akan memudahkan untuk melaraskan bunyi semasa hendak memalu rebana mangkuk. Hal ini kerana Rebana Mangkuk yang baru siap getah pada permukaan rebana tidak tegang dan ini akan menyebabkannya tidak terlalu terik dan tidak terlalu kendur kerana jika terlalu terik akan menyebabkan rebana mudah pecah dan jika terlalu kendur pula akan menyebabkan rebana sukar untuk ditegangkan dan akan menyebabkan rebana terpaksa dibuka semula rotan yang melilitnya untuk tujuan dibaiki semula. Menurut beliau lagi, penentuan saiz permukaan rebana mangkuk bergantung kepada saiz rotan yang digunakan sebagai rotan sedak rebana. Ini kerana saiz rotan juga tidak boleh terlalu besar dan tidak boleh terlalu kecil kerana jika menggunakan rotan yang bersaiz kecil akan menyebabkan getah yang

diregangkan tidak begitu tegang dan akan menyebabkan permukaan rebana mudah berkedut dan rosak. Jika perkara tersebut berlaku, rebana tidak dapat diguna pakai.

Pada permukaan rebana, terdapat satu 'cotek' yang mana ia berfungsi sebagai penyedap bunyi. Sekiranya 'cotek' itu tiada, maka bunyi yang terhasil menjadi terlalu nyaring. Oleh itu, 'cotek' akan berada di tengah-tengah permukaan rebana mangkuk selain 'cotek' kayu baji juga memainkan peranan yang penting untuk menghasilkan bunyi yang sempurna yang mana kayu baji boleh dilaras untuk bunyi yang nyaring ataupun sebaliknya. Jika kayu baji diketuk ke dalam, ia akan menyebabkan permukaan rebana menjadi terik dan jika diketuk keluar, ia akan mengendurkan permukaan rebana dan bunyi yang terhasil juga tidak sedap didengar. . Bagi ukuran saiz permukaan, ketinggian dan ketebalan kayu baji rebana mangkuk adalah seperti :-

a. Ukuran Permukaan Rebana



Gambar 5: Ukuran Permukaan Rebana

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Ukuran lebar permukaan rebana mangkuk biasanya antara 15-20 cm sahaja hal ini kerana saiz permukaan rebana ini bergantung kepada saiz mangkuk yang digunakan dan saiz rotan yang digunakan sebagai rota sedak rebana. Namun pada kebiasaannya rotan yang digunakan sebagai rota sedak tidak boleh terlalu besar dan terlalu kecil kerana ia memberi kesan kepada ketegangan getah semasa proses pencantuman antara baluh rebana dengan permukaanya.

b. Ketinggian Rebana




Gambar 6 : Ukuran Ketinggian Rebana

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Menurut En Yusof ketinggian sesebuah rebana mangkuk kingkungan 30 sehingga 40 cm sahaja. ketinggian sesebuah rebana ini bergantung kepada ketinggian mangkuk getah yang digunakan sebagai baluh rebana dan ketebalan kayu baji yang digunakan. Ukuran tersebut menurut beliau perlu diukur bermula dari baluh rebana hingga ke bawah kayu baji. Ketinggian rebana mangkuk ini tidak boleh terlalu tinggi dan terlalu rendah kerana ia akan mejejaskan keselesaan kepada pemain rebana semasa bermain atau memalu rebana.

c. Ukuran Kayu Baji



Gambar 7: Ukuran Kayu Baji

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Bagi ukuran kayu berbaji pula adalah lingkungan 10 hingga 12cm sahaja dan tidak boleh lebih mahupun kurang ini kerana semasa pemain rebana mangkuk bermain rebana mangkuk ini akan berada di dalam sarang atau tapak yang telah dibuat khas untuk keselesaan pemain semasa membuat persembahan. Untuk kayu baji biasanya akan menggunakan 2 kayu yang dimasukkan dari kiri dan kanan untuk melaraskan ketegangan getah pada permukaan rebana.

Menurut En. Yusof penentuan saiz permukaan rebana mangkuk bergantung kepada saiz rotan yang digunakan sebagai rotan sedak rebana, saiz rotan juga tidak boleh terlalu besar dan tidak boleh terlalu kecil kerana jika menggunakan rotan yang bersaiz kecil akan menyebabkan getah yang diregangkan tidak begitu tegang dan akan menyebabkan permukaan rebana mudah berkedut dan rosak. Jika perkara tersebut berlaku rebana tersebut tidak dapat digunakan pakai. Manakala jika rotan terlalu besar maka rebana akan mudah koyak kerana terlalu tegang. Pada permukaan rebana terdapat satu "cotek" dimana ia berfungsi sebagai penyedap bunyi. En. Yusof memberitahu sekiranya "cotek" itu tiada maka bunyi yang terhasil menjadi terlalu nyaring oleh itu, "cotek" akan berada di tengah-tengah permukaan rebana mangkuk, selain "cotek" kayu baji juga memainkan peranan yang penting untuk menghasilkan bunyi yang sempurna yang mana kayu baji boleh dilaras untuk bunyi yang nyaring ataupun sebaliknya, jika kayu baji diketuk kedalam ia akan menyebabkan permukaan rebana menjadi terik dan jika diketuk keluar ia akan mengendurkan permukaan rebana dan bunyi yang terhasil tidak sedap didengar.



Gambar 8: Cotek

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Menurut Encik Hasbullah lagi rebana mangkuk ini juga boleh digunakan dalam persembahan Wayang Kulit dan Makyung bagi menggantikan gendang anak, namun bunyi yang dihasilkan agak nyaring kerana rebana mangkuk hanya menggunakan getah manakala gendang anak pula menggunakan kulit kambing atau lembu. Kemudian, cara permainan rebana mangkuk ini pula adalah secara berkumpulan yang dipukul secara serentak mengikut lagu yang dimainkan. Setiap kumpulan adalah terdiri daripada 10 hingga 12 orang. Setiap orang akan dibekalkan satu rebana mangkuk dan satu rotan pemukul. Ketua kumpulan rebana ini akan diketuai oleh jogho yang memulakan dan mengakhiri rentak persembahan rebana mangkuk ini. Jogho akan memegang dua rotan pemukul. Selain itu, alunan rentak irama bagi permainan rebana mangkuk ini akan dimulakan dengan pukulan oleh ketua kumpulan. Pukulan ketua ini adalah merupakan sebuah peranan yang utama di dalam alunan rebana mangkuk tersebut. Kemudian ianya diikuti pula dengan pemuzik-pemuzik yang lain. Akan tetapi jika ketua kumpulan tidak berperanan dengan baik didalam mengalunkan rentak muzik tersebut, maka pemuzik yang lain juga akan menjadi berterabur dan rentak yang akan dihasilkan tidak akan menghasilkan bunyi yang sempurna ketika dipersembahkan. Walau bagaimanapun, pembuatan rebana mangkuk ini juga memerlukan ketelitian yang sangat mendalam dalam penghasilannya. Hal ini demikian kerana sekiranya tidak begitu teliti dalam pembuatannya berkemungkinan getah untuk mengeluarkan bunyi itu tidak akan terhasil dengan sempurna.

## 7.0 Rumusan

Secara keseluruhan, permainan rebana mangkuk dikategorikan sebagai alat muzik membranofon iaitu satu bentuk muzik yang lebih kepada pergendangan dimana ianya berfungsi sebagai penyatuan dalam sesuatu masyarakat dan mempunyai peranan tersendiri di dalam masyarakat muzik rebana mangkuk juga mempunyai sifat muzik atau penggunaan tempo yang seragam. Namun begitu, kegunaan dan fungsi muzik tradisional sebenarnya boleh dilihat dari pelbagai elemen seperti dari sudut proses pembelajaran dan lain-lain lagi. Oleh itu, muzik



tradisional rebana mangkuk juga merupakan salah satu elemen kebudayaan yang melambangkan identiti penyatuan dalam masyarakat felda kemahang tanah merah. Dengan adanya identiti yang mereka miliki itu, walaupun berada dimana sekalipun, mereka akan merasa selamat dengan membawa identiti sebagai masyarakat felda kemahang tanah merah. Tambahn pula, alat yang digunakan dapat mencerminkan ianya mempunyai satu unsur penting kepada muzik tradisional di Kelantan. Sehubungan dengan itu, muzik rebana mangkuk ini seharusnya dipertahankan dari segi keasliannya. Oleh kerana muzik ini telah menjadi lambang kepada masyaakat felda kemahang 3, tanah merah Kelantan, muzik ini seharusnya dijadikan sebagai warisan turun temurun kepada generasi muda, namun mereka tidak begitu berminat untuk menyertai persembahan muzik rebana mangkuk. Ianyan adalah disebabkan generasi muda sekarang lebih terdedah kepada dunia muzik moden yang lebih menyeronokan. Namun begitu, nuzik ini sememangnya mencapai satu tahap yang hampir pupus disebabkan tiada pelapis daripada golongan muda yang akan meneruskan warisan budaya tersebut.

Oleh yang demikian, hasil daripada kajian telah jelas menunjukkan bahawa sejarah perkembangan muzik rebana mangkuk hanya tertumpu di dua buah kawasan sahaja iaitu di Kampung Lawang dan Kampung Felda Kemahang 3 Tanah Merah Kelantan. Dimana rebana mangkuk ini mula diperkenalkan di kampung Lawang Tanah Merah disebabkan oleh pengasas awal rebana mangkuk berasal di kampung tersebut. Pada awalnya pengasas reban mangkuk hanya membuat rebana mangkuk untuk mainan di waktu lapang sahaja kerana beliau sudah mempunyai asas bermain alat muzik rebana ubi dan asas muzik wayang kulit. Oleh sebab beliau selalu mengikuti bapanya menoreh getah dan hasil dari kreativiti yang sedia ada beliau telah mendapat satu idea untuk mencipta rebana yang diperbuat dari susu getah dan magkuk getah disebabkan oleh bunyi yang dihasilkan oleh rebana mangkuk seakan bunyi rebana ubi masyarakat di kampung lawang tertarik dengan alat tersebut dan telah diwarisi oleh seorang anak saudara beliau lalu di bawa ke kampung felda kemahang 3 setelah felda tersebut dibuka oleh pihak kerajaan Malaysia.

Selain itu, proses dimana rebana mangkuk ini terhasil dimana Encik Yusof selalu mengikuti ahli keluarganya untuk pergi menoreh getah di ladang getah. Jadi, disitulah beliau mendapat idea untuk menghasilkan sebuah rebana mangkuk kerana bahan utama dalam menghasilkan rebana mangkuk ini adalah getah. Disini pengkaji mendapati bahawa pada msa itu proses pembuatan rebana mangkuk agak sedikit sukar kerana setiap langkah yang digunakan perlu bergantung juga pada kesuaian cuaca. Faktor ketelitian dan kesabaran juga perlu tinggi kerana bukan semudah yang disangka untuk membuat satu rebana mangkuk yang terbaik dan sempurna. Seterusnya, peranan rebana mangkuk dalam masyarakat dapat dibuktikan dimana berlaku satu pembentukkan identiti melalui kegunaan dan fungsi muzik rebana mangkuk yang menjadi simbol identiti yang menyatupadukan masyarakat Felda Kemang 3 Tanah Merah kerana dapat bersama-sama bergabungbuntut menguatkan lagi pembentukkan identiti tersebut. Kegunaan dan fungsi rebana mangkuk yang jelas menjadi simbol identiti di dalam masyarakat Felda Kemahang 3 Tanag Merah melalui alat-alat muzik paluan dimana penggunaan alat muzik rebana mangkuk di dalam kumpulan mempunyai nama alat muzik yang tersendiri yang berlainan dengan nama alat muzik yang biasa didengari. Oleh itu kegunaan dan fungsi adalah stu elemen penting yang dapat dilihat dari sudut kesenian dan penyatuan masyarakat di kawasan tersebut.

Akhir sekali, muzik rebana mangkuk yang merupakan budaya bagi masyarakat di kampung Felda Kemahang 3, Tanah Merah ini mesti dijaga keaslian muziknya supaya masyarakat lain serta generasi akan datang juga dapat mengetahui bahawa di Felda Kemahang 3 Tanah Merah mempunyai identity budaya yang tersendiri dari segi elemen muziknya. Seharusnya, golongan remaja harus mempelajari muzik ini supaya warisan yang dapat membentuk identiti masyarakat di kampung Felda Kemahang 3, Tanah Merah tidak pupus begitu sahaja.



## Rujukan

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon Dan Abdul Rahim Hamda. 2007. *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis Dan Interpretasi Data*. Batu Cave: Pts Publishing House Sdn. Bhd
- Brew, A. and Phillis, F (2001). *Is research changing? Conceptions of successful researchers*. Proceedings of the Higher Education Research and Development Society of Australasia Conference. Adelaide. pp.131–135
- Burning, J., & Kintz, B. (1987). *Computation Handbook Of Statistics* (edisi ke -3).
- DeVale, Sue Carole. "Organizing Organology." *Selected Reports in Ethnomusicology* 8 (1990): 1-34. Pp.27  
Glenview, IL: Harper Collins.
- Hornbostel, Erich M. von, and Curt Sachs. (1961). "Classification of Musical Instruments." Translated by A. Baines and K. Wachsmann. *The Galpin Society Journal* 14:3–29.
- Kartomi, Margaret J.(1990) "Part One: On the Nature of Classification of Musical Instruments." In *On Concepts and Classifications of Musical Instruments*, 1-31. London: Universty of Chicago.
- Kothari, C. 2004. *Research Methodology: Methods and Techniques*. New Delhi: New Age International
- Lee, E., & Mohd Hassan Abdullah (2008). *Ethnic musical instruments of Malaysia*. Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia: Win Publication.
- Marohaini Yusof (2001). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Merriam, A. P. (1998). *The Antropology of Music*. Evanston: Northwestern University Press.
- Nik Mustapha Nik Mohd Salleh (1995). *Alat muzik tradisional dalam masyarakat Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.
- Pease, P. and Barbara Pease (2004), *The Definitive Book of Body Language*, New York.
- Rohana Yusof (2004). *Penyelidikan Sains Sosial*. Publications & Distributors, Bentong, Pahang.
- Rusinah Joned, & Universiti Putra Malaysia. (2010). *Metodologi penyelidikan [modul kursus]*. Serdang, Selangor Darul Ehsan: Pusat Pendidikan Luar.
- Sabitha Marican.(2005) *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya : Prentice Hall Pearson Malaysia.
- Woods, D. G., & Gordon, E. (1986). *Jump right in: The music curriculum*. Chicago, Ill: G.I.A. Publications.
- Zaharul Lailiddin Saidon. & Kongres dan Pameran Warisan Melayu Sedunia 2014. (January 01, 2014). *Kelestarian dan pengkomersilan seni persembahan tradisional Melayu dalam konteks industri kreatif: Cabaran dan peluang*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia.

